

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Projek rintis atasi kesesakan di jabatan kecemasan, trauma

Klinik Kesihatan Bandar Botanik operasi lebih masa

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) memulakan projek rintis menangani kesesakan di jabatan kecemasan dan trauma Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di Klang, dekat sini, melalui pengoperasian lebih masa Klinik Kesihatan (KK) Bandar Botanik bermula Sabtu lalu.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata menerusi projek itu, KK Bandar Botanik memanjangkan waktu operasinya untuk menangani kedatangan pesakit kategori zon hijau, iaitu yang mengalami gejala ringan dan kes bukan kecemasan di Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR.

"KK Bandar Botanik kini beroperasi setiap hari, termasuk hari kelepasan bermula jam 8 pagi hingga 9.30 malam, dengan waktu menerima pendaftaran pesakit terhad hingga 9 malam.

"Sehubungan itu, pesakit hanya mempunyai gejala ringan atau kes bukan kecemasan diharapkan tidak lagi berkunjung ke Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR, sebaliknya memanfaatkan operasi KK Bandar Botanik mengikut waktu ditetapkan.

"Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR sepatutnya merawat kes kecemasan yang serius dan kritikal," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bula-

nan KKM di sini semalam.

Pada 10 Mac lalu, KKM menerusi kenyataan memaklumkan akan melaksanakan pemanjangan waktu operasi selepas waktu pejabat di 52 klinik kesihatan di seluruh negara.

KKM memaklumkan, langkah itu bertujuan mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan Hospital dengan waktu operasi klinik akan dipanjangkan dari jam 5 petang hingga 9.30



Dr Zaliha Mustafa

malam pada Isnin hingga Jumaat dan jam 8 pagi hingga 12 tengah hari pada Sabtu.

Dr Zaliha berkata, perubahan pola kedatangan pesakit dari Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR ke KK Bandar Botanik akan dipantau dalam tempoh pelaksanaan projek rintis ini bagi membolehkan KKM menentukan strategi pelaksanaan lebih baik untuk menangani isu kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR.

Katanya, KKM akan meman-

tau dan melihat perkembangan projek rintis itu sebelum membuat sebarang keputusan untuk memperluaskan program berkenaan.

Dalam pada itu, Dr Zaliha turut melancarkan dokumen *Carbon Neutral Healthcare Facilities Blueprint* melalui Program Kelestarian di hospital kerajaan.

Beliau berkata, langkah itu bagi menyokong hasrat kerajaan untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon negara sebanyak 45 peratus menjelang 2030 berdasarkan tahap pelepasan 2005 serta mencapai sasaran negara sifar bersih menjelang 2050.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

14 **Negara!**

Bantu kurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR **Perkenal projek rintis kluster**

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) memulakan Projek Rintis Kluster Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di Klang, Selangor sejak Sabtu lalu bagi mengurangkan kesesakan selain tempoh menunggu lama di Jabatan Kecemasan dan Trauma di fasiliti kesihatan itu.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, ia termasuk lanjutan waktu operasi Klinik Kesihatan (KK) Bandar Botanik yang kini beroperasi setiap hari.

Menurut beliau, KK Bandar Botanik memanjangkan waktu operasi bagi menangani kehadiran pesakit kategori zon hijau bagi mereka yang mengalami gejala ringan dan kes bukan kecemasan di Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR.

"Klinik itu kini beroperasi bermula pada pukul 8 pagi hingga 9.30 malam dengan waktu menerima pendaftaran pesakit terhad hingga 9 malam termasuk hari kelepasan am," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan bersama warga KKM di sini semalam.

Sebelum ini, Dr. Zaliha mengumumkan pelaksanaan pelanjutan waktu operasi di klinik kesihatan tertentu di seluruh negara bagi mengurangkan kesesakan dan tempoh menunggu lama di jabatan kecemasan dan trauma.

Pada masa sama, Dr. Zaliha memberitahu, Pasukan Petugas



KLINIK Kesihatan Taman Botanik beroperasi setiap hari bagi mengurangkan kesesakan di HTAR.

Khas Reformasi Sektor Awam diketuai Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali bersejua agar KKM melaksanakan projek rintis tersebut.

Justeru, beliau berharap pesakit yang mempunyai gejala ringan atau kes bukan kecemasan tidak lagi berkunjung ke Jabatan Kecemasan dan Trauma

HTAR.

Sebaliknya, mereka yang mengalami gejala diminta hadir ke KK Bandar Botanik mengikut waktu yang ditetapkan.

"Perubahan pola kedatangan pesakit dari Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR ke KK Bandar Botanik akan dipantau dalam tempoh pelaksanaan projek

rintis ini berjaya," katanya.

Pada 10 Mac lalu, KKM dalam satu kenyataannya memaklumkan pihaknya akan melaksanakan pemanjangan waktu operasi selepas waktu pejabat di 52 klinik kesihatan di seluruh negara.

Langkah itu bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di jabatan kecemasan hospital.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Henti biasiswa pelajar perubatan jejas sektor kesihatan

PETALING JAYA: Tindakan kerajaan menghentikan penajaan pelajar perubatan dan kejururawatan di universiti tempatan boleh memburukkan lagi sistem kesihatan negara ketika banyak perkara belum diselesaikan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Jurucakap Hartal Doktor Kontrak, Dr. Muhammad Yassin berkata, ini termasuklah isu kekurangan kakitangan kesihatan, pelantikan doktor kontrak ke jawatan tetap, tenaga pakar dan fasiliti kesihatan yang memerlukan perhatian kerajaan.

"Sektor kesihatan antara ter-

penting kepada rakyat. Apabila kurang penajaan secara tidak langsung akan kurangnya graduan perubatan atau kejururawatan dan ini akan memburukkan lagi keadaan di sektor kesihatan.

"Yang mana kita saban hari mendengar isu kekurangan kakitangan dan rakyat terpaksa menunggu lama untuk temu janji. Pelajar-pelajar cemerlang yang susah dan tidak mampu membayar kos pengajian di kolej perubatan akan terpaksa melupakan cita-cita mereka.

"Pihak hartal ingin mendapatkan penjelasan lebih lanjut

dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai keputusan ini. Adakah sebab faktor kewangan atau faktor lain sehingga menyebabkan kerajaan membuat keputusan itu," kata ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, JPA dilaporkan tidak akan menawarkan tajaan kursus perubatan, pergigian dan farmasi.

Sebaliknya, tajaan itu hanya untuk mereka yang melanjutkan pengajian ijazah pertama di universiti awam dan politeknik premier yang telah dipilih oleh jabatan untuk pinjaman.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

4 theSUN ON TUESDAY | MARCH 28, 2023

NEWS WITHOUT BORDERS



FOLLOW theSun ON FACEBOOK

/thesundaily



SCAN ME

Bandar Botanik clinic opens daily to ease hospital overcrowding

PUTRAJAYA: The Bandar Botanik Health Clinic in Klang, Selangor, now operates seven days a week, including on public holidays, as a pilot project to deal with overcrowding at the Tengku Ampuan Rahimah Hospital Emergency and Trauma Department.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said the implementation of the Bandar Botanik Health Clinic cluster pilot project started on Saturday as agreed upon by the Special Task

Force on Agency Reform.

Under the pilot project, the clinic's operating hours are extended from 8am to 9.30pm, with the last patient registration at 9pm.

"Therefore, I hope patients with mild symptoms and non-emergency cases will no longer visit the hospital but instead go to the Bandar Botanik Health Clinic.

"This is because the Emergency and Trauma Department should only treat critical and serious

emergency cases," she said at a Health Ministry monthly assembly yesterday.

In her 2023 New Year's message, Zaliha announced the extended hours for selected health clinics to reduce overcrowding and long waiting times at hospitals.

Health clinics normally operate from 8am to 5pm on working days.

Zaliha said the change in patient arrival patterns at the Tengku Ampuan Rahimah Hospital would be

monitored over the course of the pilot project.

"This is to enable the Health Ministry to determine a better implementation strategy to deal with overcrowding issues at Tengku Ampuan Rahimah Hospital."

Zaliha also said the government is committed to providing the best health services to the people through the opening of new health facilities.

She added that the building of new hospitals and health clinics is to

provide better access to healthcare services, replace old and outdated facilities and accommodate urgent needs and demand for more hospital beds.

She also launched the Carbon Neutral Healthcare Facilities Blueprint at the Health Ministry monthly assembly, which aims to help the Health Ministry provide safe, environmentally friendly, resilient and future-proof healthcare facilities. - Bernama

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : VIEWS

Decentralising public healthcare must begin at grassroots level

A PROFESSIONAL opinion published on Sunday suggested the reform of our national public healthcare system should be a process of decentralisation to improve efficiency and response, to better coordination of responses to natural disasters at the local level, to increase accessibility to underserved populations, and to promote innovative solutions to longstanding service issues. ("Healthcare decisions should be decentralised to improve delivery of services", by Dr Helmy Haja Mydin, *Health Matters*, *StarHealth*, March 26; online at bit.ly/star_decentral).

One must first recognise that the Health Ministry has done well in

managing the heavy burden of providing for the nation's healthcare needs, including monitoring and responding to health threats, and regulating the healthcare industry in all its dimensions. And it does all this despite resource and budget constraints.

Understandably, there is a great pride and strong work culture among the hardened heroes of this honourable public institution, and with it some level of rigidity and, possibly, resistance to change.

It is also worth noting that Malaysia's tremendous growth economically and socially has led to the maturity of many local players in the medical services industry.

There are always opportunities to work with these potential partners to manage the growing complexity of the country's healthcare needs and leverage improvements in healthcare technologies, services and financing systems.

However, the road to unlocking the potential to delegate some of the responsibilities to service providers outside the ministry is a long and hard one. But change has to start somewhere, regardless.

Public university hospitals are actually small success stories of decentralisation, as they are entities outside the Health Ministry system, marginalised but with certain benefits to allow for greater

autonomy despite being part of the public healthcare system. They could act as test beds for reform programmes, which can be scrutinised in detail through scholarly research work and adjusted accordingly.

More importantly, we need to train teams – not just individuals – to lead the process of decentralisation and provide the political will with technical expertise to carry it through.

A pilot project for healthcare leadership training has been successfully implemented since 2020, partnering with Singapore's SingHealth and Temasek Foundation International and focusing on

building effective teams composed of not just clinical leadership but also human resource administration and finance management.

For us to untangle the currently convoluted and complicated infrastructure of Malaysia's public healthcare system, change must originate at the grassroots level, starting with breaking down silos and forming trusting relationships among all parties.

PROF DATUK DR HANAFIAH HARUNARASHID
Pro vice-chancellor (Kuala Lumpur campus)
Universiti Kebangsaan Malaysia